

١١: باب الصلاة بغير رداء

11- Bab: Bersembahyang Tanpa Selendang.⁴¹³

٣٥٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي الْمَوَالِي عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُنْكَدِرِ قَالَ دَخَلْتُ عَلَى جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ وَهُوَ يُصَلِّي فِي ثَوْبٍ مُلْتَحِفًا بِهِ وَرِدَاؤُهُ مَوْضُوعٌ فَلَمَّا انْصَرَفَ قُلْنَا يَا أَبَا عَبْدِ اللَّهِ تُصَلِّي وَرِدَاؤُكَ مَوْضُوعٌ قَالَ نَعَمْ أَحَبُّتُ أَنْ يَرَانِي الْجُهَالُ مِثْلَكُمْ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي هَكَذَا

357- `Abdul Aziz bin `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu (anak lelaki) Abi al-Mawali meriwayatkan kepadaku daripada Muhammad bin al-Munkadir, katanya: Aku pergi menemui Jaabir bin `Abdillah ketika dia sedang bersembahyang dengan berselimut menggunakan sehelai kain sahaja, sedangkan selendangnya ada tergantung (di penyangkut pakaian). Apabila dia selesai bersembahyang kami pun berkata: Wahai Aba `Abdillah! Engkau bersembahyang dalam keadaan selendangmu ada tergantung? Beliau menjawab dengan katanya: "Ya, aku mahu dilihat oleh orang-orang yang jahil seperti kamu. Aku telah melihat Nabi s.a.w. bersembahyang begini."

١٢: باب ما يذكر في الفخذ قال أبو عبد الله ويروى عن ابن عباس وجده ومحمد بن جحش عن النبي صلى الله عليه وسلم الفخذ عورة وقال أنس بن مالك حَسَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ فَخْذِهِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَحَدَّثَ أَنَسُ أَسَدُ وَحَدَّثَ جَرَاهِدُ أَخُو طُحَيْفٍ مِنْ أَخِلَائِهِمْ وَقَالَ أَبُو مُوسَى غَطَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رُكْبَتَيْهِ حِينَ دَخَلَ عُمَانُ وَقَالَ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ أُنْزِلَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَخَذَهُ عَلَى فَخْذِي فَتَلَّتْ عَلَيَّ حَتَّى خِفْتُ أَنْ تُرْضَ فَخَذِي

seseorang terdedah. Tanpa terdedah kemaluan atau `aurat mughallazah, sembahyang seseorang tetap dikira sah walaupun terdedah `aurat mukhaffafahnya.

⁴¹³ Ada beberapa maksud Bukhari mengadakan bab ini, antaranya ialah: (1) Untuk menyatakan sembahyang orang yang memakai hanya sehelai pakaian sahaja sah, walaupun dia mempunyai beberapa helai pakaian yang lain. (2) Di dalam bab kesembilan hadits no:352 tersebut arahan `Umar tentang pakaian yang seharusnya dipakai ketika bersembahyang apabila seseorang berada dalam keadaan senang dan mewah. Mungkin itu menimbulkan kekeliruan kepada sesetengah orang. Untuk menghilangkan kekeliruan itulah Bukhari mengemukakan bab ini pula selepasnya. Keadaan kain tergantung di penyangkut baju selain yang dipakai Jaabir r.a. semasa bersembahyang merupakan salah satu bukti kesenangan dan kekayaannya. (3) Untuk menyatakan bersembahyang tanpa berselendang adalah harus. (4) Tidak mesti (wajib) menutup bahu dengan sesuatu seperti selendang ketika bersembahyang, kerana sembahyang sah tanpanya. Demikian juga tidak mesti (wajib) menutup apa yang dinamakan sebagai `aurat mukhaffafah (seperti paha) itu kerana sembahyang sah juga tanpanya. Yang mesti (wajib) ditutup ialah apa yang dinamakan `aurat mughallazah sahaja. Kerana sembahyang tanpa menutupnya memang tidak sah dan tidak diharuskan.

12- Bab: Apa Yang Disebutkan Tentang Paha.⁴¹⁴ Abu `Abdillah Berkata: Diriwayatkan Daripada Ibni `Abbaas, Jarhad Dan Muhammad Bin Jahsyin Daripada Nabi S.A.W., Sabda Baginda: "Paha Itu Aurat".⁴¹⁵ Anas Berkata: "Nabi S.A.W. Menyingkap (Kain Yang

⁴¹⁴ Imam Bukhari nampaknya belum puas hati membincangkan tentang `aurat. Sebelum ini beliau telah mengadakan satu bab tentang `aurat yang mesti ditutup. Di sana beliau telah membuktikan bahawa `aurat yang sebenar-benarnya ialah qubul dan dubur. Tetapi soalnya bagaimana dengan hadits yang berbunyi: الفخذ عورة. Bukankah hadits itu dengan jelas mengatakan paha itu `aurat? Menerusi bab ini Imam Bukhari r.a. mahu menarik perhatian pembaca dan para pelajar kepada kilaf `ulama' tentang hukum paha, sama ada ia `aurat atau tidak. Beliau juga mahu menjelaskan tentang kedudukan hadits itu. `ulama' terbahagi kepada tiga golongan dalam masalah ini. Golongan pertama berpendapat paha adalah `aurat. Ini merupakan pendapat kebanyakan `ulama'. Antara tokoh yang berpendapat begini ialah `Athaa', Malik dalam salah satu pendapatnya, ats-Tsauri, Abu Hanifah, Syafi'e dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya. Golongan kedua berpendapat paha tidak `aurat. Antara muhadditsin dan fuqahaa' yang berpendapat demikian ialah Daud Zahiri, Ibnu Abi Zi'b, Ismail bin `Ulayyah, Ibnu Jarir at-Thabari, al-Ishtakhri, Ibnu Hazam, Malik dalam pendapat yang masyhur daripadanya dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya. Golongan ketiga berpendapat paha tidak merupakan `aurat di bilik mandi atau tempat-tempat lain seumpamanya di mana mengikut `uruf mendedahkannya tidak dianggap perbuatan yang pelik dan jelik. Sementara di setengah-setengah tempat seperti masjid atau tempat-tempat lain seumpamanya paha adalah `aurat yang semestinya dijaga daripada terdedah. Antara tokoh `ulama' yang berpendapat demikian ialah `Athaa' dan Al-Auzaa'i. Ibnu Qutaibah mentarjihkan pendapat ini. Golongan keempat berpendapat paha adalah `aurat, tetapi `aurat yang mukhaffafah bukan `aurat mughallazah. Imam Bukhari antara tokoh yang berpendapat begini. Selain beliau Ibnu al-Qaiyyim dan sebilangan besar ashhab Malik, Syafi'e dan Ahmad. Al-Baaji di dalam al-Muntaqanya menulis bahawa Abu Hanifah juga diriwayatkan ada berkata: "Aurat terbahagi kepada dua. Mughallazah dan mukhaffafah". Ini bererti salah satu pendapat beliau juga sama seperti pendapat Bukhari.

⁴¹⁵ Mula-mula sekali Imam Bukhari r.a. membawa hujah pihak pertama yang mengatakan paha itu `aurat. Hujah mereka ialah hadits "Paha itu `aurat". Hadits ini diriwayatkan daripada Ibni `Abbaas, Jarhad dan Muhammad bin Jahsyin. Tiga orang inilah yang disebut oleh Bukhari di sini. Berdasarkan kitab-kitab lain ada dua orang lagi yang meriwayatkannya iaitu `Ali dan Qabishah bin Mukhaariq. Bagi Bukhari hadits-hadits tentang paha adalah `aurat, pada keseluruhannya adalah dha'if. Kalau ada pun yang dikatakan sahih seperti hadits Jarhad, ia masih lagi dipertikaikan dan jika diandaikan sahih sekalipun, kesahihannya tidak dapat menandingi hadits-hadits yang dipegang oleh golongan yang mengatakan paha bukan `aurat. Kerana itu beliau mengemukakannya secara ta'liq dan dengan sighah tamridh sahaja. Hadits Ibnu `Abbaas diriwayatkan menerusi Abi Yahya al-Qattaat daripada Mujahid daripada beliau (Ibnu `Abbaas r.a.) katanya: "Pernah Nabi s.a.w. lalu dekat seorang lelaki yang terdedah pahunya. Baginda terus berkata kepadanya: "Tudung (tutup) pahamui itu. Kerana paha seseorang termasuk dalam `auratnya." Demikian diriwayatkan oleh Ahmad, Thabarani, Hakim, Baihaqi dan lain-lain. Imam Tarmizi meriwayatkannya secara ringkas dengan lafaz الفخذ عورة dan beliau mengatakan hadits ini hasan. Abu Yahya al-Qattaat, namanya ialah `Abdur Rahman bin Dinar. Imam Ahmad, Yahya dan kebanyakan `ulama' menganggapnya dha'if. Ada juga orang berkata Habib bin Abi Tsabit merupakan mutaabi' kepadanya dalam meriwayatkan hadits ini. Tetapi isnadnya juga tidak sahih. Hadits Jarhad diriwayatkan oleh ramai tokoh-tokoh hadits seperti Hakim, Ibnu Abi Syaibah, Abu Daud, Daarimi, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan dan lain-lain. Imam Bukhari sendiri ada meriwayatkannya di dalam at-Taarikh al-Kabir. Tarmizi meriwayatkannya melalui tiga saluran sanad. Berikut dikemukakan ketiga-tiganya berserta komen beliau:

- (1) حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ أَبِي الثَّوْرَةِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ زُرْعَةَ بْنِ مُسْلِمٍ بْنِ جَرْهَدٍ الْأَسْلَمِيِّ عَنْ جَدِّهِ جَرْهَدٍ قَالَ مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِجَرْهَدٍ فِي الْمَسْجِدِ وَقَدْ انْكَشَفَ فَخَذُهُ فَقَالَ إِنَّ الْفَخْذَ عَوْرَةٌ قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ مَا أَرَى إِسْنَادَهُ بِمُتَّصِلٍ
- (2) حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ الْخَلَّالُ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ جَرْهَدٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِهِ وَهُوَ كَاشِفٌ عَنْ فَخْذِهِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَطِّ فَخْذَكَ فَإِنَّهَا مِنَ الْعَوْرَةِ قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ
- (3) حَدَّثَنَا وَاصِلُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ عَنْ الْحَسَنِ بْنِ صَالِحٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ بْنِ عَقِيلٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَرْهَدٍ الْأَسْلَمِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْفَخْذُ عَوْرَةٌ قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ

Selepas Tarmizi mengemukakan hadits pertama, beliau berkata hadits ini hasan. Selepas itu beliau berkata pula saya tidak fikir hadits ini bersambung sanadnya. Ini bererti hadits ini terputus sanadnya. Hadits yang sanadnya terputus adalah dha'if. Tarmizi selalu menggunakan istilah hasan untuk hadits dha'if apabila ada beberapa sanadnya. Walaupun kesemuanya adalah dha'if. Istilah hasan di sini tidak sama sekali seperti hasan yang dipakai oleh jumhur

Dipakainya) Sehingga Terdedah Pahanya".⁴¹⁶ Abu 'Abdillah Berkata: Hadits Anas Lebih Kuat Sanadnya Dan Hadits Jarhad Lebih Cermat Untuk Keluar Daripada Perselisihan (Khilaf)

'ulama' hadits. Sufyan pula terkeliru dalam mengisnadkan hadits ini apabila beliau mengatakan Zur'ah bin Muslim. Yang sebetulnya ialah Zur'ah bin 'Abdur Rahman bin Jarhad. Hadits kedua juga dihukum oleh Tarmizi sebagai hasan. Daraquthni menyebutkan banyak sekali terdapat perbezaan dalam isnad yang dikemukakan Abi az-Zinaad tentang nama syeikhnya. Antara nama yang disebutkan ialah: (1) Zur'ah bin 'Abdur Rahman bin Jarhad. (2) Zur'ah bin Jarhad. (3) Abdur Rahman bin Jarhad. (4) Jarhad bin Jarhad. (5) Aalu (keluarga) Jarhad daripada Jarhad. Demikianlah antara idhthirab yang terdapat di dalam hadits ini. Ibnu al-Qatthaan di dalam kitabnya Bayanu al-Wahmi wa al-Iihaam berkata bahawa: "Hadits Jarhad ini mempunyai dua 'illat. Pertama ialah idhthirab yang membawa kepada hilangnya keyakinan kepadanya. Ini kerana perawi-perawi hadits ini berbeza-beza dalam mengemukakan isnadnya. Yang pertama berkata: Zur'ah bin 'Abdur Rahman. Yang kedua berkata: Zur'ah bin 'Abdullah. Yang ketiga pula berkata: Zur'ah bin Muslim. Kemudian perawi-perawi itu berbeza-beza pula. Yang pertama mengatakan Zur'ah meriwayatkannya daripada ayahnya daripada Nabi s.a.w. Yang kedua berkata: Daripada ayahnya daripada Jarhad daripada Nabi s.a.w. Yang ketiga pula berkata: Zur'ah meriwayatkan daripada Aal (keluarga) Jarhad daripada Jarhad daripada Nabi s.a.w. Saya tidak berpendapat semua idhthirab menyebabkan sesuatu hadits menjadi dha'if. Jika madaar sesuatu hadits adalah seorang yang tsiqah, maka perbezaan perawi-perawi daripadanya tidak menjejaskan haditsnya. Tetapi kalau madaarnya tidak tsiqah atau tidak dikenali, maka sudah tentu idhthirab akan melemahkannya malah akan menambahkan lagi kelemahannya. Begitulah keadaan hadits ini. Ia merupakan 'illat keduanya. Kerana Zur'ah dan ayahnya tidak diketahui atau tidak ma'ruf halnya. Mereka berdua juga tidak masyhur dalam periwayatan." Imam Bukhari juga di dalam at-Tarikh al-Kabir menganggap isnad hadits ini tidak sahih kerana idhthirab isnadnya. Seseengah orang menganggap hadits ini sahih dan berkedudukan tinggi kerana ia dikemukakan oleh Imam Malik di dalam Muattha'nya. Sebenarnya hadits ini hanya terdapat di dalam nuskah Muwattha' beberapa orang sahaja daripada murid-murid Malik iaitu Ibnu Bukair, Ibnu Wahab, Ma'an bin 'Isa dan 'Abdullah bin Yusuf. Ia tidak terdapat di dalam sekian banyak nuskah Muwattha' riwayat murid-murid beliau yang lain, seperti nuskah Yahya bin Yahya al-Mashmudi, Muhammad bin Hasan asy-Syaibani dan lain-lain yang lebih masyhur dann tersebar dengan meluas hari ini. Sementara al-Qa'nabi pula tidak memasukkan hadits ini di dalam Muwattha'nya, malah beliau meriwayatkannya di luar Muwattha' sebagai riwayat-riwayat "Ziaadaat Imam Malik". Ini semua menunjukkan bahawa keberadaan hadits ini di dalam Muwattha' adalah sesuatu yang tidak boleh dipertanggungjawabkan atau dengan kata lain ia bukan hadits yang disepakati oleh semua pemilik-pemilik nuskah Muwattha'. Selepas mengemukakan hadits ketiga, Imam Tarmizi berkata: "Hadits ini hasan, gharib melalui sanad ini." Imam Tarmizi mengatakan hasan kerana melihat kepada banyak jalur riwayatnya semata-mata. Di sini juga istilah hasan yang digunakan oleh Tarmizi tidak seperti yang dipakai oleh jumhur 'ulama'. Beliau menyebutkan hasan di samping gharib melalui sanad ini, untuk mengisyaratkan kepada kedha'ifannya. Isnad riwayat ini dha'if kerana terdapat di dalamnya salah seorang perawi dha'if iaitu 'Abdullah bin Muhammad bin 'Aqil. Hadits Muhammad bin Jahsyin diriwayatkan menerusi riwayat al-'Alaa' bin 'Abdir Rahman daripada Abi Katsir maula Muhammad bin Jahsyin daripada Muhammad bin Jahsyin ipar Nabi s.a.w. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda s.a.w. pernah lalu dekat Ma'mar ketika dia sedang berada di halaman masjid sambil duduk berihtiba' (duduk berpaut lutut) dalam keadaan mendedahkan pahanya. Lantas Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: "Tudung (tutup) pahamui wahai Ma'mar. Kerana sesungguhnya paha itu 'aurat." Hadits ini diriwayatkan oleh Ahmad, Hakim, Thabarani dan lain-lain. Ia juga dha'if kerana terdapat di dalam isnadnya Abu Katsir maula Muhammad bin Jahsyin, seorang perawi yang dha'if.

⁴¹⁶ Bermula dari sini pula Imam Bukhari r.a. mengemukakan hadits-hadits yang menjadi pegangan golongan kedua yang mengatakan paha bukan 'aurat. Bukhari sendiri mewashalkan hadits Anas ini di dalam bab ini. Anas menceritakan: "Lututku (ketika itu) betul-betul menyentuh paha Nabi s.a.w. Kemudian Nabi s.a.w. menyingkap kain dari pahanya sehingga aku nampak putihnya paha Nabi s.a.w." Daripada cerita Anas ini Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya menyimpulkan paha bukan 'aurat. Sebabnya ialah jika ia 'aurat tentu tidak berlaku beberapa perkara berikut: (1) Lutut Anas betul-betul telah menyentuh paha Nabi s.a.w. Sebagaimana diterima oleh semua pihak, seseorang tidak boleh menyentuh 'aurat orang lain. Jika paha memang 'aurat tentulah Nabi s.a.w. tidak membiarkan keadaan itu berlaku. (2) Nabi s.a.w. menyingkap kain dari pahanya sehingga aku nampak putihnya paha Nabi s.a.w. Jika paha memang 'aurat, tentu Nabi s.a.w. tidak menyingkapkan kain dari pahanya sehingga dilihat oleh orang lain. Sebagaimana diterima oleh semua pihak bahawa seseorang haram mendedahkan 'auratnya di hadapan orang lain. (3) Anas telah melihat paha Nabi s.a.w. dalam peristiwa itu. Beliau berkata: "Aku masih

Mereka.⁴¹⁷ Abu Musa Menceritakan: "Nabi S.A.W. Menutup Kedua Lututnya Apabila 'Utsman Masuk".⁴¹⁸ Kata Zaid Bin Tsabit: "Pernah Allah Mewahyukan Kepada Rasulnya Ketika Paha Beliau S.A.W. Berada Di Atas Pahaku. Aku Berasa Amat Berat Sehingga Aku Bimbang Pahaku Akan Patah (Kerananya)."⁴¹⁹

nampak lagi putihnya paha Nabi s.a.w." Jika paha memang 'aurat, bagaimana Anas melihat paha Nabi s.a.w. dan bagaimana Allah telah membiarkan 'aurat nabinya dilihat orang. (4) Di bawah Bab: 8, hadits no:351, tersebut: "Selepas (peristiwa) itu baginda tidak lagi dilihat bertelanjang (terdedah 'auratnya)." Jika paha memang 'aurat, maka seseorang yang mendedahkan pahanya atau terdedah pahanya, akan dikira bertelanjang. Padahal di dalam hadits itu telah dikatakan: "Selepas (peristiwa) itu baginda tidak lagi dilihat bertelanjang (terdedah 'auratnya)." Ya'ni secara tidak sengaja. Bagaimana pula dalam peristiwa ini Rasulullah s.a.w. mendedahkannya dengan sengaja? Sesetengah pihak mengatakan sebenarnya yang tersebut di dalam hadits ini bukan perkataan حسر (menyingkapkan) tetapi انحسر (tersingkap) seperti yang tersebut di dalam riwayat Muslim dan lain-lain. Ertinya ia berlaku dengan tidak disengajakan. Pertama-tama sekali perlu diingat bahawa apa yang tersebut di dalam riwayat Bukhari ini adalah yang paling sahih dan yang paling banyak diriwayatkan oleh perawi-perawi hadits yang berwibawa. Jika diandaikan riwayat انحسر itulah yang betul, soalnya kenapa Allah membiarkan ia berlaku? Allah tidak akan membiarkan perkara seumpama itu berlaku kepada nabiNya. Ada juga 'ulama' mengatakan حسر di dalam bahasa Arab dipakai untuk kedua-dua ma'na, muta'addi dan laazim. Di dalam hadits ini ia dipakai dengan ma'na laazim. Tetapi soalan yang sama tetap akan timbul iaitu kenapa Allah membiarkan ia berlaku?

⁴¹⁷ Setelah mengemukakan hadits Anas secara ta'liq Bukhari berkata: "Hadits Anas lebih kuat sanadnya dan hadits jarhad lebih cermat untuk keluar daripada perselisihan (khilaf) mereka." Di sini terdapat beberapa maksud Bukhari. Antara lainnya ialah: (1) Memanglah hadits Anas lebih kuat dan lebih elok sanadnya daripada hadits Jarhad. Tetapi hadits Jarhad juga telah dihukum sahih oleh sesetengah 'ulama' seperti Hakim, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, at-Thabari dan lain-lain. (2) Walaupun hadits Anas lebih sahih tetapi hadits Jarhad memuatkan langkah lebih cermat dalam menjaga 'aurat yang berat. Kerana itu tidaklah elok ia diabaikan langsung. (3) Hadits Anas yang lebih kuat dan lebih sahih, menggambarkan tentang 'aurat mughallazah dan hadits Jarhad pula menggambarkan tentang 'aurat mukhaffafah. Tiada pertentangan sebenarnya di antara kedua-dua hadits itu. (4) Oleh kerana terdapat khilaf 'ulama' dalam masalah ini, ada yang mengatakan paha 'aurat dan pula yang mengatakan tidak 'aurat. Demikian juga terdapat hadits-hadits yang menjadi sandaran masing-masing. Walaupun tarafnya tidak sama, namun sudah ada semacam syubhah di sini iaitu syubhah khilaf. Syubhah, biar apa pun jenis dan bahagiannya elok dihindari dan dijauhi sesuai dengan anjuran Nabi s.a.w. (5) Hadits Jarhad sahaja yang layak dipertimbangkan di antara sekian banyak hadits-hadits yang menyatakan paha adalah 'aurat. Sebab itulah Bukhari tidak menyebut yang lain-lain. Beliau hanya menyebut hadits Jarhad. Ini membuktikan hadits-hadits dha'if itu tidak sama tarafnya dan Bukhari agak terbuka dalam menghadapi sesetengah hadits dha'if, terutamanya apabila ia bersesuaian dengan kehendak syari'at yang lain seperti "Saddu az-Zari'ah", "Taqdim al-Muharrim 'ala al-Mubih fi Bab al-Wara'" dan lain-lain.

⁴¹⁸ Bukti kedua bagi Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya tentang lutut dan paha bukan 'aurat ialah hadits Abu Musa ini. Beliau mengemukakannya secara ta'liq di sini untuk meringkaskan cerita. Hadits Abu Musa ini dengan sanad dan matan yang lengkap dikemukakan oleh beliau sendiri di dalam Mana'iq 'Utsman. Adalah lebih tepat jika dikatakan Bukhari mengemukakannya di sini untuk menolak pendapat orang-orang yang mengatakan lutut juga selain paha termasuk dalam 'aurat. Imam Bukhari pula bermaksud menyatakan bahawa paha dan lutut kedua-duanya bukan 'aurat.

⁴¹⁹ Hadits Zaid ini dikemukakan oleh Bukhari dengan lengkap di dalam Kitab at-Tafsir. Hadits ini merupakan bukti ketiga Bukhari tentang paha bukan 'aurat. Ia membuktikan bahawa harus seseorang menyentuh paha orang lain dengan berlapis. Sekiranya paha memang 'aurat, tentu ia tidak boleh disentuh sama ada dengan berlapis atau tidak. Sebabnya ialah kemaluan (qubul atau dubur) yang disepakati sebagai 'aurat tidak harus disentuh, sama ada secara berlapis atau tidak. Kenyataan ini dengan jelas menunjukkan adanya perbezaan di antara kemaluan dan paha. Keberatan yang dirasakan oleh Zaid itu adalah keberatan wahyu yang turun kepada Nabi s.a.w. Ia melarat kepada Zaid oleh kerana kebetulan pada ketika itu paha Baginda s.a.w. berada di atas pahanya. Keadaan seperti ini juga dilaporkan pernah berlaku ketika Rasulullah s.a.w. sedang berada di atas untanya, lalu wahyu turun kepada beliau menyebabkan unta yang dinaiki itu terduduk lantaran melaratnya keberatan wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w.

٣٥٨ - حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ صُهَيْبٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَزَا خَيْبَرَ فَصَلَّيْنَا عِنْدَهَا صَلَاةَ الْعِدَاةِ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَكِيبَ أَبِي طَلْحَةَ وَأَنَا رَدِيفُ أَبِي طَلْحَةَ فَأَجْرَى نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُفَاقِ خَيْبَرَ وَإِنْ رُكِبْتِي لَتَمَسُّ فَيَخِذُ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ حَسَرَ الْإِزَارَ عَنْ فَخْذِهِ حَتَّى إِنِّي أَنْظُرُ إِلَى بَيَاضِ فَخِذِ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا دَخَلَ الْقَرْيَةَ قَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ خَرِبْتُ خَيْبَرُ إِنَّا إِذَا نَزَلْنَا بِسَاحَةِ قَوْمٍ (فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْدَرِينَ) قَالَهَا ثَلَاثًا قَالَ وَخَرَجَ الْقَوْمُ إِلَى أَعْمَالِهِمْ فَقَالُوا مُحَمَّدٌ قَالَ عَبْدُ الْعَزِيزِ وَقَالَ بَعْضُ أَصْحَابِنَا وَالْخَمِيسُ يَعْنِي الْجَيْشَ قَالَ فَأَصْبَحْنَا عَنُودَ فَجَمَعَ السَّبِيَّ فَجَاءَ دَحِيَّةَ الْكَلْبِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَعْطِنِي جَارِيَةً مِنَ السَّبِيِّ قَالَ أَذْهَبُ فَخُذُ جَارِيَةً فَأَخِذُ صَغِيَّةً بِنْتُ حَيٍّ فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَعْطَيْتَ دَحِيَّةَ صَغِيَّةً بِنْتُ حَيٍّ سَيِّدَةَ قَرْيَظَةَ وَالتَّضْيِيرَ لَا تَصْلُحُ إِلَّا لَكَ قَالَ أَدْعُوهُ بِهَا فَجَاءَ بِهَا فَلَمَّا نَظَرَ إِلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خُذْ جَارِيَةً مِنَ السَّبِيِّ غَيْرَهَا قَالَ فَأَعْتَقَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَزَوَّجَهَا فَقَالَ لَهُ ثَابِتٌ يَا أَبَا حَمْرَةَ مَا أَصْدَقَهَا قَالَ تَغْسَهَا أَعْتَقَهَا وَتَزَوَّجَهَا حَتَّى إِذَا كَانَ بِالطَّرِيقِ جَهَّزَتْهَا لَهُ أُمُّ سُلَيْمٍ فَأَهْدَتْهَا لَهُ مِنَ اللَّيْلِ فَأَصْبَحَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرُوسًا فَقَالَ مَنْ كَانَ عِنْدَهُ شَيْءٌ فَلْيُجِئْ بِهِ وَبَسْطَ نَطْعًا فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَحِيءُ بِالتَّمْرِ وَجَعَلَ الرَّجُلُ يَحِيءُ بِالسَّمْنِ قَالَ وَأَحْسِبُهُ قَدْ ذَكَرَ السَّوْبِقُ قَالَ فَحَاسُوا حَيْسًا فَكَانَتْ وَلِيمَةً رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

358- Ya`qub bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Ismail bin Ulayyah meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Aziz bin Suhaib meriwayatkan kepada kami daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah s.a.w. pergi ke Khaibar untuk berperang. Maka kami bersembahyang subuh di Khaibar pada waktu ghalas (awal waktu subuh). Selepas itu Nabi s.a.w. dan Abu Thalhah menaiki kenderaan masing-masing. Aku membonceng Abu Thalhah. Nabi s.a.w. memecut (kenderaannya) di satu lorong Khaibar.⁴²⁰ Lututku (ketika itu) betul-betul menyentuh paha Nabi s.a.w. Kemudian Nabi s.a.w. menyingkapkan kain dari pahanya sehingga aku masih nampak lagi putihnya paha Nabi s.a.w. Setelah masuk ke Khaibar, baginda s.a.w. pun mengucapkan: “Allahu Akbar, musnahlah Khaibar. Sesungguhnya kami apabila turun dalam kawasan sesuatu kaum, sudah tentu buruklah (nahaslah) hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan.” Nabi s.a.w. berkata begitu tiga kali. Kata perawi: “Orang ramai (penduduk Khaibar) keluar untuk melakukan kerja mereka masing-masing. (Apabila menyedari mereka telah diserang) Teruslah mereka berkata: “Muhammad”. `Abdul Aziz menyebutkan: Sebahagian ashhab (kawan-kawan) kita berkata: “Muhammad bersama

⁴²⁰ Kenderaan yang dinaiki Rasulullah s.a.w. ketika ini mengikut riwayat Baihaqi dan Tarmizi daripada Anas ialah himar. Tetapi riwayat itu dha'if. Apa yang nyata daripada hadits ini ialah baginda s.a.w. mengendarai kuda dalam peristiwa ini bukan himar. Sebabnya ialah daripada keterangan Anas di dalam hadits Bukhari ini Rasulullah s.a.w. memecut kenderaannya sehingga tetingkap pahanya, lebih munasabah jika dikatakan beliau s.a.w. menaiki kuda bukan himar.

tenteranya”.⁴²¹ Anas berkata: Kami telah menguasai Khaibar dengan kekerasan (peperangan). Maka (setelah kemenangan dicapai) dikumpulkanlah orang-orang tawanan. Pada ketika itu datanglah Dihyah. Dia berkata (kepada nabi s.a.w.): “Wahai Nabi Allah, Berikanlah kepadaku seorang hamba perempuan dari tawanan ini”. Nabi s.a.w. bersabda: “Pergilah ambil seorang hamba perempuan”. Oleh Dihyah diambilnya Shafiyyah binti Huyai. Terus datang seorang lelaki kepada Nabi s.a.w. seraya berkata: “Wahai Nabi Allah! Engkau telah berikan kepada Dihyah Shafiyyah binti Huyai, ketua suku Quraizah dan suku Nadhir. Dia tidak sesuai kecuali untukmu sahaja”.⁴²² Maka Nabi s.a.w. berkata: “Panggillah Dihyah dan Shafiyyah juga”. Dihyah dan Shafiyyah pun datang. Setelah Nabi s.a.w. melihat Shafiyyah, Beliau s.a.w. berkata (kepada Dihyah): “Ambillah perempuan yang lain dari kalangan tawanan ini”.⁴²³ Kata Anas: “Selepas itu Nabi s.a.w. memerdekakan Shafiyyah dan mengahwininya”.⁴²⁴ Lalu Tsabit bertanya Anas: “Wahai Aba Hamzah (Anas), apakah mas kahwin yang diberikan oleh Nabi s.a.w.

⁴²¹ Dengan berkata begini ‘Abdul ‘Aziz bermaksud menyatakan bahawa dia sendiri tidak mendengar perkataan (والخميس) ini daripada Anas, tetapi mendengarnya daripada salah seorang kawannya yang juga mendengar hadits ini daripada Anas. Ini bererti riwayat daripada orang yang tidak diketahui siapa sebenarnya kawan itu. Ini kerana ‘Abdul ‘Aziz tidak menyebut namanya. Ada ‘ulama’ berpendapat kawan yang dimaksudkan oleh ‘Abdul ‘Aziz itu ialah Muhammad bin Sirin. Kerana Bukhari sendiri ada mengemukakan hadits ini menerusinya. Mungkin juga orang yang dimaksudkan dengan kawan itu Tsabit al-Bunaani. Sebabnya ialah Imam Muslim juga ada mengemukakan hadits ini menerusinya. Bagaimana pun kata al-‘Aini andaian itu tidak melepaskan riwayat ini daripada jahalal perawinya. Kerana masih ada kemungkinan kawan itu bukan mereka berdua yang disebutkan itu. Rinkasnya ‘Abdul ‘Aziz mengatakan: Saya telah mendengar Anas berkata: Kata mereka (yahudi Khaibar) Muhammad sahaja. Tetapi salah seorang kawan saya berkata: “Mereka (yahudi Khaibar) berkata: Muhammad bersama tenteranya ...”.

⁴²² Tidak diketahui siapakah yang berkata begini kepada Nabi s.a.w. Shafiyyah adalah dari keturunan Nabi Harun a.s. Suku Quraizah dan suku Nadhir adalah dua qabilah besar dari kalangan yahudi Khaibar.

⁴²³ Di sini timbul persoalan kenapa Nabi s.a.w. mengambil kembali Shafiyyah daripada Dihyah setelah beliau menyerahkan kepadanya untuk memilih seorang hamba perempuan? Ada beberapa jawapan telah diberikan oleh para ‘ulama’. Antaranya ialah: (1) Nabi s.a.w. boleh mengambil kembali apa yang diberikan kepada Dihyah kerana pemberian itu belum lagi sah dan mu’tamad. (2) Nabi s.a.w. boleh mengambil kembali apa-apa yang diberikannya kepada seseorang Islam kerana beliau adalah bapa kepada sekalian orang Islam. Seseorang bapa memang boleh mengambil kembali apa-apa yang telah diberikannya kepada anaknya. (3) Rasulullah s.a.w. sebenarnya telah membeli Shafiyyah daripada Dihyah. Hakikat ini tersebut di dalam hadits riwayat Muslim bahawa Nabi s.a.w. telah membeli Shafiyyah daripada Dihyah dengan harga tujuh orang hamba. (4) Rasulullah s.a.w. mengambil kembali Shafiyyah daripada Dihyah dengan persetujuan dan kerelaan hati Dihyah sendiri. (5) Nabi s.a.w. membenarkan Dihyah mengambil hamba sahaya yang biasa-biasa sahaja. Tidak terlintas di hati beliau bahawa yang akan berlaku ialah Dihyah mengambil orang seperti Shafiyyah. Bila disebut orang, hamba perempuan yang diambil Dihyah itu dari keturunan nabi, dari kalangan ketua dan pemimpin dua qabilah besar yahudi dan orangnya bukan kepalang cantik, Nabi s.a.w. pun mengambil kembali Shafiyyah daripada Dihyah supaya sahabat-sahabat yang lain tidak terkilan dengannya dan tidak ketara sangat keistimewaan yang diberikan kepada Dihyah dalam mendapat harta rampasan perang. Sedangkan orang-orang lain juga tidak kurang peranannya daripada Dihyah dalam peperangan itu. Ramai lagi juga terdapat orang yang lebih terkemuka dan hebat daripada Dihyah. Selain itu ada pula hikmah yang lain jika Rasulullah s.a.w. mengambil Shafiyyah untuk dirinya sendiri, walaupun hanya sebagai hamba sahaya. Untuk mengambil hati Dihyah Nabi s.a.w. menggantikan kepadanya tujuh orang hamba sahaya yang lain dengan persetujuan dan kerelaan hatinya. Antara jawapan yang diberikan tadi jawapan inilah yang agak memuaskan hati.

⁴²⁴ Apa yang berlaku selepas itu? Rasulullah s.a.w. tidak menjadikan Shafiyyah sebagai hamba sahayanya, malah beliau memerdekakannya dan mengahwininya. Kesan daripada perkahwinan itu sekian ramai orang-orang yahudi telah memeluk agama Islam.

kepadanya?” Jawab Anas: “Dirinya sendiri (sebagai mas kahwin). Nabi s.a.w. telah memerdekakannya dan mengahwininya”. Dalam perjalanan pulang (dari Khaibar), Ummu Sulaim mengandam Shafiyyah untuk Rasulullah s.a.w. Pada malam harinya pula beliau mengiringi Shafiyyah sebagai pengantin kepada Nabi s.a.w., lalu berpagilah Nabi s.a.w. sebagai pengantin baru. Pada ketika itu baginda s.a.w. bersabda sambil menghamparkan seperah daripada kulit: “Sesiapa yang ada apa-apa makanan, bawalah ke mari”. Maka ada yang membawa buah tamar, ada pula yang membawa minyak sapi. Kata perawi (‘Abdul ‘Aziz): “Saya rasa dia (Anas) telah menyebutkan sawiq (sesagun)”. Kata Anas: “Mereka pun mencampurkan bahan-bahan makanan tadi sehingga ia menjadi hais (sejenis makanan).⁴²⁵ Itulah yang menjadi kenduri Rasulullah s.a.w.”⁴²⁶

١٣: باب في كم نكح النبي المرأة من الثياب وقال عكرمة لو وارت جسد لها في ثوب جاز

⁴²⁵ Sejenis makanan yang disediakan daripada keju, minyak sapi dan buah tamar.

⁴²⁶ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan menggunakan perkataan sembahyang ghadaat untuk sembahyang subuh. (2) Keharusan membonceng di atas belakang binatang jika binatang itu membawa orang yang menaikinya. Sebenarnya sangat banyak hadist yang menyatakan keharusan membonceng. (3) Elok bertakbir dan berzikir semasa berperang. Amalan ini sesuai dengan firman Allah berikut ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٤٦﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan). (al-Anfaal:45). (4) Elok bertakbir tiga kali di permulaan hendak berperang. (5) Hadits ini menunjukkan paha bukan ‘aurat. (6) Keharusan memecut kuda. Ia bukanlah sesuatu yang menjatuhkan maruah seseorang, terutamanya apabila ada sesuatu keperluan atau untuk melatih kuda dan melatih diri berperang dengan menggunakan kuda. (7) Elok tuanmas memerdekakan hamba sahaya perempuannya lalu mengahwininya. Tersebut di dalam hadits sahih bahawa orang yang sanggup berbuat begitu akan mendapat dua pahala. (8) Kata Ibnu Hazam: “Tsabit, Qataadah dan ‘Abdul ‘Aziz bin Shuhaib bersepakat meriwayatkan daripada Anas bahawa Nabi s.a.w. memerdekakan Shafiyyah dan mengahwininya dengan menjadikan pemerdekaannya sebagai mas kahwin untuknya. Antara tokoh ‘ulama’ yang berpegang dengan zahir hadits ini ialah Sa’id bin Musayyab, Hasan Bashri, Ibrahim an-Nakha’i, ‘Aamir asy-Sya’bi, Al-Auzaa’i, Zuhri, ‘Athaa’, Qataadah, Thaawus, Hasan bin Hayy, Ahmad dan Ishaq. Imam Bukhari walaupun tidak menjelaskan pendapatnya, tetapi dengan mengadakan bab berikut di dalam Kitab an-Nikaah, iaitu: باب من جعل عتق الأمة صداقها (Bab Orang Yang Menjadikan Pemerdekaan Hamba perempuannya Sebagai Mas Kahwin Untuknya), beliau nampaknya lebih cenderung kepada pendapat ini. Menurut pendapat mereka ini, seseorang harus berkahwin dengan hamba sahaya perempuan yang dimerdekakannya dengan syarat pemerdekaan itu sendiri menjadi sebagai mas kahwin. Hamba sahaya berkenaan tidak berhak mendapat mas kahwin lain selain kemerdekaan dirinya. Perbincangan lebih terperinci in syaa’ Allah akan anda dapati di tempatnya. (9) Pertemuan pertama di antara dua pengantin selepas upacara perkahwinan lebih elok berlaku pada waktu malam. (10) Orang yang berkahwin dituntut agar mengadakan kenduri. (11) Kenduri kahwin lebih elok diadakan selepas pengantin baharu bersekedudukan. (12) Ketika dalam kesukaran, sahabat handai dan sanak saudara digalakkan membantu pihak pengantin untuk mengadakan kenduri dengan menghulurkan kepadanya apa-apa yang perlu. (13) Seseorang ketua tidak harus segan meminta bantuan dan pertolongan daripada anak buahnya. (14) Maksud kenduri terpenuhi dengan adanya sebarang jamuan makanan. Hidangan daging bukan suatu kemestian.

13- Bab: Berapa Helai Kain Perlu Dipakai Oleh Perempuan Untuk Bersembahyang.⁴²⁷ Kata Ikrimah: Sembahyang Seseorang Perempuan Yang Menutupi Seluruh Tubuhnya (Selain Muka Dan Dua Tapak Tangannya) Dengan Sehelai Kain Sahaja, Juga Sah.⁴²⁸

٣٥٩ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ لَقَدْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الْفَجْرَ فَيَشْهَدُ مَعَهُ نِسَاءٌ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ مُتَلَفَعَاتٍ فِي مِرْطَاهُنَّ ثُمَّ يَرْجِعْنَ إِلَى بُيُوتِهِنَّ مَا يَعْرِفُهُنَّ أَحَدٌ

⁴²⁷ Setelah membicarakan tentang pakaian yang boleh dan hendaknya dipakai oleh lelaki ketika bersembahyang, Imam Bukhari mula membincangkan pula tentang pakaian yang boleh dan hendaknya dipakai oleh wanita semasa mereka bersembahyang. Oleh kerana seluruh tubuh wanita adalah 'aurat yang tidak harus didedahkan kepada lelaki di luar sembahyang, kecuali muka, kedua belah tangan dan kakinya. Adakah 'aurat mereka yang perlu ditutup semasa bersembahyang juga sama dengan ketika tidak bersembahyang? Kalau sehelai kain yang menutupi 'aurat lelaki sudah memadai untuk dipakainya semasa bersembahyang, adakah sehelai kain yang menutupi 'aurat perempuan juga memadai untuk mereka. Sehelai kain mungkin difikirkan memadai untuk menutup 'aurat lelaki kerana 'aurat mereka hanya di antara pusat dan lutut. Tetapi bagaimana dengan 'aurat perempuan? Dengan mengemukakan bab ini Imam Bukhari mahu menjawab persoalan ini. Jawapannya ialah memadai jika sehelai kain itu benar-benar dapat menutupi seluruh tubuhnya. Untuk menutup 'aurat sama ada di dalam sembahyang atau di luar sembahyang, bilangan kain atau pakaian tidak penting. Yang pentingnya ialah kain atau pakaian itu menutup 'aurat, walaupun ia hanya sehelai sahaja. Itulah pendapat Imam Bukhari dan jumhur 'ulama'. Adapun pendapat para 'ulama' yang mengatakan dua helai atau tiga helai kain sekurang-kurangnya perlu dipakai oleh wanita semasa mereka bersembahyang, maka itu semata-mata menyatakan jumlah pakaian yang elok dan afidhal dipakai mereka sahaja. Ia sama sekali tidak bererti sembahyang seseorang wanita yang hanya memakai sehelai kain, tidak sah.

⁴²⁸ Untuk menyokong pendapatnya Imam Bukhari membawa kata-kata 'Ikrimah sebagai salah seorang tokoh 'ulama' salaf. Atsar 'Ikrimah yang mu'allaq ini diwashalkan oleh 'Abdur Razzaq di dalam Mushannafnya. Bagaimanapun para 'ulama' berbeza pendapat tentang jumlah dan jenis pakaian yang elok dipakai oleh seseorang wanita semasa bersembahyang. golongan pertama mengatakan wanita hendaklah memakai baju labuh atau jubah yang menutupi kakinya selain telekung. Pendapat ini diriwayatkan daripada Maimunah, 'Aaisyah, Ummi Salamah dan Ibnu 'Abbaas. Ini juga merupakan pendapat Malik, al-Laits, Al-Auzaa'i, ats-Tsauri, Abu Hanifah dan Asy-Syafi'e. Golongan kedua berpendapat wanita hendaklah memakai tiga helai atau tiga jenis kain semasa bersembahyang, iaitu baju labuh, telekung dan kain pakai yang diikat di bahagian pinggang. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar, 'Abiidah dan 'Athaa'. Golongan ketiga berpendapat wanita hendaklah memakai empat helai atau empat jenis kain semasa bersembahyang, iaitu tiga yang tersebut tadi ditambah sehelai selendang atau selimut. Ini adalah pendapat Mujahid dan Ibnu Sirin. Satu perkara yang diijma'kan oleh para 'ulama' ialah wanita tidak boleh memakai niqab atau burqa' (penutup muka) semasa bersembahyang dan semasa mengerjakan haji atau 'umrah. Malik, al-Laits, Syafi'e dan Ahmad berpendapat kaki wanita dan rambutnya adalah 'aurat yang mesti ditutup ketika bersembahyang. Jika ia terdedah, sembahyang perlu diulangi selagi ada waktunya menurut Malik. Menurut Syafi'e dan al-Laits jika terdedah salah satu daripadanya, sembahyang mesti diulangi kalau waktu masih ada atau diqadha', kalau waktu telah berlalu. Menurut Abu Hanifah, ats-Tsauri, al-Muzani, Ibnu Taimiyyah dan tokoh-tokoh besar mazhab Hanafi seperti Abu Yusuf dan lain-lain r.a. kaki wanita bukan 'aurat sama ada di dalam sembahyang atau di luar sembahyang. Oleh itu bagi mereka sembahyang wanita yang terdedah kakinya atau mereka sengaja mendedahkannya, tidak perlu diulangi. Tidak ada pula pensyarah Bukhari menyatakan mazhab Bukhari dalam masalah ini. Jika dilihat kepada kata-kata 'Ikrimah yang dipetik beliau di dalam tajuk bab di atas, seolah-olahnya ia membayangkan beliau berpendapat kaki wanita ketika bersembahyang termasuk dalam 'aurat yang mesti ditutup. Tetapi jika diingat kepada teori dua macam 'aurat yg diterima pakai olehnya, maka ada kemungkinan juga beliau berpendapat seperti Abu Hanifah dan orang-orang lain yang sependapat dengannya. Ini kerana kaki termasuk dalam salah satu 'aurat mukhaffafah. Terdedahnya 'aurat mukhaffafah atau mendedahkannya dengan sengaja bagi Bukhari tidaklah membatalkan sembahyang. والله أعلم بالصواب.

359- Abu al-Yaman meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib meriwayatkan kepada kami daripada al-Zuhri, katanya: Urwah meriwayatkan kepadaku bahawa 'Aaisyah berkata: "Sesungguhnya orang-orang perempuan mu'minat (juga) turut bersembahyang subuh bersama nabi s.a.w. Mereka bersembahyang dengan berselimut ikut di dalam selimut-selimut mereka. Kemudian pulang ke rumah masing-masing dalam keadaan tiada sesiapa pun mengenali mereka."⁴²⁹

١٤: بَابُ إِذَا صَلَّى فِي تَوْبٍ لَهُ أَعْلَامٌ وَنَظَرَ إِلَى عَظْمَاءِ

14- Bab: Jika Seseorang Bersembahyang Dengan Mengenakan Pakaian Bercorak-Corak Dan Dia Pula Memerhatikannya.⁴³⁰

٣٦٠ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى فِي خِمِصَةٍ لَهَا أَعْلَامٌ فَنَظَرَ إِلَى أَعْلَامِهَا نَظْرَةً فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ اذْهَبُوا بِخِمِصَتِي هَذِهِ إِلَى أَبِي جَهْمٍ وَأَتُونِي بِأَنْبِجَانِيَةِ أَبِي جَهْمٍ فَإِنَّهَا أَلْهَتْنِي أَنْفًا عَنْ صَلَاتِي وَقَالَ هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُنْتُ أَنْظُرُ إِلَى عَظْمَاءِ وَأَنَا فِي الصَّلَاةِ فَأَخَافُ أَنْ تُفْتِنَنِي

⁴²⁹ Pendalilan Bukhari di dalam Kitab Sahihnya ini sentiasa mempunyai kekuatan dan keunikannya yang tersendiri. As-Sindi berkata: "Hadits ini dijadikan alasan oleh Bukhari untuk keharusan wanita bersembahyang dengan hanya memakai sehelai kain sahaja. Memang ada kewajarannya apabila dilihat kepada zaman itu, di mana para sahabat hidup dalam serba kekurangan. Kebanyakan orang tidak mempunyai lebih daripada sehelai kain. Andaian mengatakan mereka hanya bersembahyang dengan memakai sehelai kain sahaja lebih kuat daripada andaian mengatakan mereka bersembahyang dengan memakai lebih daripada sehelai kain. Jika mereka memakai lebih daripada sehelai kain sekalipun, ia tetap tidak kelihatan kerana mereka berselimut litup. Sekiranya memakai sehelai kain sahaja tidak memadai untuk sembahyang, tentulah Nabi s.a.w. bertanya sama ada mereka memakai sehelai kain atau lebih semasa bersembahyang. Sikap membisu Rasulullah s.a.w. dalam perkara ini jelas menunjukkan keharusan perempuan memakai sehelai kain sahaja ketika bersembahyang. Sekiranya Rasulullah ada bertanya tentang bilangan kain yang dipakai oleh sahabat-sahabat wanitanya pada setiap sembahyang yang mereka kerjakan, tentulah hal itu diketahui ramai orang dan tentulah ada tersebut di dalam mana-mana riwayat."

⁴³⁰ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan sah sembahyang orang yang memakai kain atau pakaian yang bercorak-corak, walaupun ia membawa kepada sedikit sebanyak kelalaian dan mengakibatkan kurang khusus di dalam sembahyang. Buktinya ialah Rasulullah s.a.w. tidak mengulangi semula sembahyang yang telah dikerjakannya dengan memakai kain sedemikian. Langkah yang diambil oleh Nabi s.a.w. ialah tidak mahu memakainya lagi. Tindakan Rasulullah yang seperti ini paling tinggi menunjukkan khilaf aula atau makruh sahaja. Begitulah juga dengan benda-benda lain yang mungkin mengganggu fikiran atau melekakan perasaan seseorang, eloklah dijauhkan dan dielakkan. Walau bagaimana pun pada dasarnya pakaian, biar apa pun corak bunga atau warnanya boleh dipakai oleh lelaki dan perempuan untuk bersembahyang asalkan ia suci dan menutup 'aurat. Inilah pendapat jumhur 'ulama'. Kalau kain seperti itu haram dipakai untuk bersembahyang, tentulah Rasulullah s.a.w. berpesan ketika menghantar balik Khamishah (selimut) itu kepada Abu Jahm agar beliau tidak memakainya dalam sembahyang. Jelas sekali pesanan seperti itu tidak terdapat di dalam mana-mana hadits pun.

360- Ahmad bin Yunus meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Sa'd meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Syihab meriwayatkan kepada kami daripada Urwah daripada 'Aaisyah, bahawa Nabi s.a.w. bersembahyang dengan memakai sehelai selimut yang bercorak-corak. Beliau s.a.w. memerhatikannya sejenak. Apabila selesai bersembahyang, baginda s.a.w. bersabda: "Bawa pergi selimutku ini kepada Abu Jahm ('Aamir bin Huzaifah) dan bawa kemari selimut anbijaninya (selimut kosongnya yang tdk bercorak-corak).⁴³¹ Kerana sesungguhnya selimut ini telah meleakakan aku tadi daripada (menumpukan perhatian kepada) sembahyangku."⁴³² Hisyam bin Urwah meriwayatkan daripada ayahnya daripada 'Aaisyah, (bahawa) Nabi s.a.w. bersabda: "Tadi aku ketika sedang bersembahyang, memerhatikan coraknya. Aku bimbang ia mempesonakan daku."⁴³³

⁴³¹ Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya khamishah yang dihadihkan oleh Abu Jahm kepadanya dipulangkan. Tetapi beliau berpesan agar diambil daripada Abu Jahm selimut anbijaninya iaitu selimut kosongnya yang tidak bercorak-corak sebagai ganti kepada khamishah yang dihantar balik itu. Tujuannya ialah untuk menjaga hatinya. Takut-takut Abu Jahm terkilan dengan penghantaran pulang selimut cantik yang dihadihkan kepada baginda s.a.w. itu. Mungkin juga Nabi s.a.w. mengembalikan selimut bercorak-corak yang dihadihkan oleh Abu Jahm kepadanya itu dengan maksud supaya Abu Jahm akan mendapat berkat daripadanya.

⁴³² Adakah Rasulullah s.a.w. boleh terleka dengan dunia semudah itu? Bukankah beberapa kali telah ditunjukkan kepada beliau syurga, namun beliau tidak terleka dan terpesona dengannya sehingga terganggu urusan-urusan ugamanya? Apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan kata-katanya: "Kerana sesungguhnya selimut ini telah meleakakan aku tadi daripada (menumpukan perhatian kepada) sembahyangku"? Dua pandangan telah diberikan oleh 'ulama' untuk menghilangkan kemusykilan ini. **Pertama:** Perkataan كَادَتْ mesti ditaqdirkan sebelum perkataan الْهَيْتِي supaya memberi erti hampir ia meleakakan daku. Kerana tanpa mentaqdirkan perkataan كَادَتْ ia menunjukkan keadaan meleakakan itu telah benar-benar berlaku. Itu tidak sesuai dikatakan kepada Rasulullah s.a.w. Antara bukti bahawa perkataan itu perlu di ta'wil dan ditaqdirkan sebelumnya perkataan كَادَتْ ialah apa yang tersebut di dalam riwayat mu'allaq yang dikemukakan oleh Bukhari selepas hadits ini. Di dalamnya tersebut kata-kata baginda s.a.w. فَأَخَافُ أَنْ تُفْتِنَنِي (Aku bimbang ia mempesonakan daku). Yang berlaku hanyalah kebimbangan selimut itu akan mempesonakan beliau. Keadaan mempesonakan itu belum lagi berlaku. Yang telah berlaku baru hanya kebimbangan. Tujuan Bukhari membawa hadits mu'allaq Hisyam selepas hadits ini ialah untuk mentafsirkan perkataan الْهَيْتِي yang terdapat di dalamnya. **Kedua:** Perkataan الْهَيْتِي harus dikekalkan dengan ma'na asalnya. Ia tidak perlu dita'wil. Tidak perlu juga ditaqdirkan apa-apa sebelumnya kerana kedua-duanya tersebut di dalam hadits sahih. Selagi ia boleh dipakai, seeloknya ia dipakai tanpa sebarang ta'wilan. Keadaan meleakakan yang dikatakan telah berlaku itu hanyalah kelekaan yang amat ringan atau sedikit (الهَاءُ خَفِيفٌ). Kelekaan seperti itu jika berlaku kepada orang-orang lain dikira semacam tiada langsung. Tetapi Rasulullah s.a.w. telah megesannya dek kejiwaan jiwa beliau. Kelekaan pada tahap serendah itu pun tidak dapat diterima oleh Nabi s.a.w. berlaku di dalam sembahyangnya, apa lagi jika lebih dari itu. Yang belum berlaku lagi ialah terpesona dengannya. Itulah yang dibimbangi oleh baginda mungkin akan berlaku jika selimut itu tidak dihantar pulang kepada Abu Jahm.

⁴³³ Kata Kirmani: "Wau sebelum perkataan قَالَ di dalam klausa berikut ini: وَقَالَ هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ adalah wau 'athaf. Ma'thufnya ialah قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ شِهَابٍ. Kerana Hisyam juga terbilang salah seorang guru Ibrahim bin Sa'ad. Kalau begitulah kedudukan sebenarnya, maka hadits yg dikemukakan oleh Hisyam itu adalah hadits musnad muttasil bukan mu'allaq. Mungkin juga Bukhari meriwayatkan daripada Hisyam di sini secara ta'liq. Bagaimanapun ta'liq ini diwashalkan oleh Muslim dan Abu Daud di dalam kitab mereka masing-masing. Sekarang timbul persoalan bahawa Kalau Nabi s.a.w. sendiri bimbang dirinya mungkin akan terpesona dengan selimut yang bercorak-corak itu, padahal beliau jauh lebih kuat dan lebih terpelihara daripada orang-orang lain, kenapakah pula beliau memberikannya kepada Abu Jahm? Tidakkah dengan menghantar balik kepada Abu Jahm berarti mempesonakannya dengan mata benda dunia? Kemusykilan ini juga menghendaki penyelesaian. Untuk itu beberapa pandangan 'ulama' dikemukakan di bawah ini. Antaranya ialah: **Pertama:** Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya kain itu dihantar balik kepada Abu Jahm. Tidak ada di dalam perintahnya itu suruhan supaya Abu Jahm